Lamp. (2B)

001

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
**SAMAN PEMULA NO. MT - - 2010**

Dalam perkara Aturan 7, Aturan 15 Kaedah 16 dan Aturan 28 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

DAN

Dalam perkara seksyen 41 Akta Spesifik Relif 1950

DAN

Dalam perkara Artikel-Artikel 4, 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan

DAN

Dalam perkara Konvensyen Untuk Menghapuskan Diskriminasi Dalam Semua Bentuk Terhadap Wanita 1979/81 *("Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women 1979/81")* dan Akta Pekerjaan 1955

DAN

Dalam perkara penarikan balik lantikan Noorfadilla Binti Ahmad Saikin sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih

DAN

Dalam perkara permohonan untuk, antara lainnya, deklarasi dan gantirugi

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN PLAINTIF

DAN

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ

4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA — DEFENDAN-DEFENDAN

**AFIDAVIT SOKONGAN PLAINTIF**

*(sebagai menyokong Saman Pemula)*

Bahawasanya saya, NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN (No. K/P. ), seorang warganegara Malaysia yang telah cukup umur, dan yang kini bermastautin di Darul Ehsan dengan ini sesungguhnya berikrar dan menyatakan seperti berikut:

**Pengenalan**

1. Saya adalah Plaintif yang dinamakan di atas.

2. Defendan Pertama adalah Chayed Bin Basirun. Pada setiap masa material, beliau adalah Pegawai Khas Kumpulan Guru Simpanan Kerajaan ("KGSK") di Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat. Alamat terakhir Defendan Pertama yang diketahui adalah di Saujana Impian, KM 22, Jalan Cheras, Kajang, 43000 Selangor, Malaysia. Defendan Pertama ditugaskan mengendalikan perkara-perkara berhubung perlantikan, antara lainnya, Guru Sandaran Tidak Terlatih ("GSTT"). Defendan Pertama adalah pengkhidmat dan/atau ejen pentadbiran bagi Defendan-Defendan lain.

3. Defendan Ke-2 adalah Ismail Bin Musa. Pada setiap masa material, beliau adalah Pegawai Pelajaran Daerah Hulu Langat di Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat ("PPDHL"). Alamat terakhir Defendan Ke-2 yang diketahui adalah di Saujana Impian, KM 22, Jalan Cheras, Kajang, 43000 Selangor, Malaysia. Defendan Ke-2

adalah ketua Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat yang menolong Jabatan Pelajaran Negeri Selangor menyelaraskan pengurusan dan pentadbiran sekolah-sekolah di Hulu Langat termasuk perlantikan GSTT. Defendan Ke-2 adalah pengkhidmat dan/atau ejen pentadbiran bagi Defendan-Defendan Ke-3, Ke-4, Ke-5 dan Ke-6. Defendan Ke-2 juga bertanggungjawab secara vikarious *("vicariously liable")* terhadap tindakan-tindakan Defendan Pertama dan juga bertanggungjawab secara diri kerana tindakan yang diadu yang dialami oleh Plaintif dibuat berdasarkan polisi-polisi Kementerian Pelajaran Malaysia dan/atau dibuat dengan pengetahuan Defendan Ke-2.

4. Defendan Ke-3 adalah Dr Haji Zahri Bin Aziz. Pada setiap masa material, beliau adalah Pengarah Pelajaran Selangor di Jabatan Pelajaran Negeri Selangor. Alamat terakhir Defendan Ke-3 yang diketahui adalah di Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4, 40604 Shah Alam, Selangor. Defendan Ke-3 adalah ketua Jabatan Pelajaran Negeri Selangor yang mewakili Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menyelaraskan semua perkara-perkara pentadbiran yang berkaitan dengan pengurusan sekolah-sekolah di Selangor termasuk perlantikan GSTT. Defendan Ke-3 adalah pengkhidmat dan/atau ejen pentadbiran bagi Defendan-Defendan Ke-4, Ke-5 dan Ke-6. Defendan Ke-3 juga bertanggungjawab secara vikarious *("vicariously liable")* terhadap tindakan-tindakan Defendan-Defendan Pertama dan/atau Ke-2 dan juga bertanggungjawab secara diri kerana tindakan yang diadu yang dialami oleh Plaintif dibuat berdasarkan polisi-polisi Kementerian Pelajaran Malaysia dan/atau dibuat dengan pengetahuan Defendan Ke-3.

5. Defendan Ke-4 adalah Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan Defendan Ke-5 adalah Menteri Pelajaran Malaysia kedua-duanya di Kementerian Pelajaran Malaysia. Alamat Defendan Ke-4 dan Defendan Ke-5 adalah di Blok E8, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya, Malaysia. Defendan Ke-4 adalah ketua Kementerian Pelajaran Negeri Selangor yang menyelaraskan semua perkara-perkara pentadbiran berkaitan dengan

pengurusan sekolah-sekolah di Selangor termasuk perlantikan GSTT. Defendan Ke-5 memegang jawatan politik tertinggi di dalam Kementerian Pelajaran Malaysia yang menguruskan pendidikan sekolah dan perlantikan guru-guru sekolah di Malaysia.

6. Defendan-Defendan Pertama, Ke-2 dan Ke-3 adalah pengkhidmat-pengkhidmat dan/atau ejen-ejen pentadbiran bagi Defendan-Defendan Ke-4 dan/atau Ke-5 yang bertanggungjawab secara vikarious *("vicariously liable")* terhadap tindakan-tindakan Defendan-Defendan Pertama, Ke-2 dan Ke-3 tersebut dan juga bertanggungjawab secara diri kerana tindakan yang diadu yang dialami oleh Plaintif dibuat berdasarkan polisi-polisi Kementerian Pelajaran Malaysia dan/atau dibuat dengan pengetahuan Defendan Ke-4 dan/atau Defendan Ke-5. Polisi-polisi yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah naungan Defendan-Defendan Ke-4 dan Ke-5 mengikat tindakan-tindakan pengurusan dan pentadbiran oleh Defendan-Defendan Pertama, Ke-2 dan Ke-3.

7. Defendan Ke-6 adalah Kerajaan Malaysia. Pada setiap masa material, Defendan Ke-6 adalah majikan dan/atau prinsipal Defendan-Defendan yang lain. Selanjutnya, Defendan Ke-6 bertanggungjawab untuk memelihara hak-hak rakyat di bawah Perlembagaan Persekutuan serta tidak bertindak dalam apa-apa cara yang boleh memudaratkan atau melanggar hak-hak tersebut terutamanya hak-hak di bawah Artikel 5 dan 8 serta di bawah konvensyen-konvensyen atau perjanjian-perjanjian hak-hak asasi antarabangsa lain. Setiap pelanggaran hak-hak tersebut mesti dibetulkan dan tidak boleh dibiarkan berlaku. Defendan Ke-6 juga bertanggungjawab bagi tindakan-tindakan Defendan-Defendan lain yang memudaratkan atau melanggar hak-hak tersebut.

8. Fakta-fakta dan perkara-perkara yang dideposkan di sini adalah benar dan dalam pengetahuan saya sendiri, daripada dokumen-dokumen dan rekod-rekod dalam

milikan saya atau kepada mana saya mempunyai akses atau daripada maklumat yang dibekalkan kepada saya melainkan di mana dinyatakan sebaliknya.

9. Saya mengikrarkan afidavit ini menyokong permohonan saya yang difailkan di sini untuk, antara lainnya, deklarasi-deklarasi dan gantirugi.

**Kronologi peristiwa perkara ini**

10. Dalam anggaran 1.2.2008 hingga 31.3.2008, saya telah memohon kepada PPDHL untuk jawatan GSTT menengah bagi Januari 2009 dengan melengkapkan dan menghantar borang permohonan yang perlu.

11. Pada 1.1.2009, saya menerima panggilan telefon dari PPDHL untuk memaklumkan saya supaya menghadiri sesi temuduga pada 2.1.2009 pukul 2.00 petang di PPDHL untuk jawatan GSTT.

12. Pada 2.1.2009, saya menghadiri sesi temuduga tersebut. Semasa saya berada di PPDHL, saya diminta mengisi borang deklarasi yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat peribadi dan latar belakang pendidikan saya. Saya mengesahkan tidak terdapat apa-apa soalan mengenai status keadaan atau kesihatan saya dalam borang deklarasi tersebut. Saya setuju dengan ketiadaan perkara ini kerana saya sesungguhnya percaya bahawa status, antara lainnya, hamil/mengandung (atau tidak) bukanlah satu kategori diskriminasi yang sah.

13. Saya kemudiannya diminta untuk memenuhi borang kehadiran yang saya telah buat. Sepucuk surat rasmi bertarikh 24.12.2008 yang ditandatangani oleh Defendan Pertama juga diberikan kepada saya.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya bertanda sebagai **"Ekshibit NAS-1"** adalah sesalinan surat rasmi bertarikh 24.12. 2008 tersebut.

14. Saya ditemuduga oleh seorang pegawai lelaki. Soalan-soalan yang ditanya olehnya merangkumi soalan mengenai pengetahuan am, maklumat peribadi, contoh masalah (seumpamanya jika berlakunya pergaduhan apakah yang perlu dibuat dan sebagainya) dan lokasi kediaman saya. Pegawai tersebut tidak bertanya tentang status keadaan atau kesihatan saya. Saya setuju dengan ini kerana saya sesungguhnya percaya bahawa status, antara lainnya, hamil/mengandung (atau tidak) bukanlah satu kategori diskriminasi yang sah. Oleh itu, saya sesungguhnya percaya bahawa samada saya mengandung atau tidak bukan merupakan satu faktor yang dipertimbangkan apabila keputusan dibuat untuk memenuhi jawatan GSTT tersebut.

15. Pada 11.1.2009 saya telah menerima tawaran untuk jawatan GSTT melalui *"short-messaging service"* ("SMS") dari pegawai PPDHL pada pukul sekitar 3.42 petang. SMS tersebut telah dihantar dari nombor telefon +60129151584. SMS tertera seperti berikut:

> *As'kum wbt...Berhubung prmohonan GSTT, tuan/puan/cik dminta hadir ke Blok B, Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat pada hari Isnin 12 Januari 08 mulai dari pkul 8:00pg hngga 9pg utk mndapatkn Memo Penempatan ke sekolah2. Sila brpakaian ssuai utk ke sekolah. Walau bgaimanapn, bg yg ada kelapangan pd hari ini, boleh jga brbuat dmikian mulai dr pukul 11.00pg hgga 4.30ptg. Tahniah & terima kasih.*

16. Melalui SMS yang dihantar tersebut, saya sesungguhnya percaya bahawa saya telah diterima sebagai GSTT. Saya menerima tawaran tersebut. Oleh itu, saya mengikut arahan yang terkandung dalam SMS tersebut dan hadir di PPDHL pada 12.1.2009 pukul 8.00 pagi. Saya diberi dan menerima sepucuk Memo Penempatan (yang juga merupakan dokumentasi tawaran) yang menyatakan tempat di mana saya akan ditugaskan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Kajang.

Namun demikian, tarikh di mana saya sepatutnya melaporkan diri ke sekolah tersebut telahpun lepas iaitu 5.1.2009. Ini bermakna bahawa jawatan GSTT bagi sekolah tersebut masih kosong setakat 12.1.2009 dan saya telah dipilih untuk mengisi kekosongan tersebut.

17. Kemudiannya, satu taklimat telah diberikan kepada semua orang yang hadir termasuk saya mengenai beberapa perkara seperti terma-terma servis dalam kontrak seperti bahawa notis satu bulan mesti diberi untuk penamatan atau perletakkan jawatan dan gaji pertama akan diterima dalam masa 3 bulan serta semua calon diminta melaporkan diri kepada pengetua sekolah masing-masing dengan segera. Saya juga sesungguhnya percaya bahawa gaji saya sebagai GSTT adalah kurang dari RM1500 sebulan.

18. Apabila taklimat tersebut selesai, seorang pegawai PPDHL menyuruh semua calon perempuan yang hamil/mengandung untuk mengakui perkara ini dengan segera. Saya dan 2 lagi perempuan mengakui bahawa kami sedang mengandung. Tanpa sebarang soalan lain, pegawai tersebut mengambil balik Memo Penempatan daripada saya dan kedua-dua perempuan yang mengandung tersebut. Pegawai tersebut memberitahu kami bahawa perempuan yang mengandung tidak boleh dilantik sebagai GSTT. Saya meminta penjelasan dan ingin mengetahui sebab-sebab Memo Penempatan saya ditarik balik. Pegawai tersebut memberitahu saya bahawa tugas GSTT akan melibatkan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang tidak sesuai untuk perempuan yang mengandung dan alasan-alasan lain. Tiada sebarang alasan diberikan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia telah dikatakan melarang perempuan hamil untuk dilantik sebagai GSTT.

19. Saya, melalui suami saya iaitu Mohd Izwan Bin Zakaria, telah menulis e-mel kepada beberapa pihak mengadu perkara ini. Akhirnya, Kementerian Pelajaran Malaysia ("KPM") membalas e-mel kami pada 17.2.2009. Dalam e-mel tersebut, KPM menyatakan, antara lainnya, seperti berikut:

19.1 Bahawa berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2007, calon yang mengandung tidak boleh dilantik untuk jawatan GSTT kerana:

19.1.1 Tempoh ibu bersalin hingga sihat terlalu panjang (2 bulan).

19.1.2 Dikhuatiri guru sering tidak dapat bertugas/hadir ke sekolah kerana sebab kesihatan atau urusan kesihatan dengan doktor/klinik ibu mengandung.

19.1.3 Guru bersalin terpaksa diganti dengan guru baru yang memerlukan penerangan.

19.1.4 GSTT tidak boleh diganti dengan guru ganti.

19.2 Selain itu, KPM juga menyatakan tujuan GSTT adalah untuk "mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah dan tidak boleh membawa masalah pengajaran dan pembelajaran di sekolah".

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya bertanda sebagai **"Ekshibit NAS-2"** adalah sesalinan e-mel bertarikh 17.2.2009 tersebut.

20. Dalam itu, saya menegaskan bahawa:

20.1 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2007 ("Pekeliling tersebut") yang dikeluarkan oleh KPM tidak menyatakan perempuan yang mengandung tidak dapat menjawat jawatan GSTT.

20.2 Perenggan 4.2.2 Pekeliling tersebut hanya menyatakan bahawa GSTT tidak layak memperolehi cuti bersalin.

20.3 Walaupun Pekeliling tersebut mengikat Defendan-Defendan, perenggan 4.2.2 Pekeliling tersebut berbentuk diskriminasi, melanggar polisi awam dan hak-hak saya; dan perlu dibatalkan.

20.4 Walau apa pun, 4 alasan-alasan yang dinyatakan oleh KPM melalui e-mel bertarikh 17.2.2009 seperti dinyatakan dalam perenggan 19 di atas tidak dinyatakan dalam Pekeliling tersebut. Oleh yang demikian, alasan-alasan tersebut tidak terpakai. Jika ia terpakai, alasan-alasan tersebut adalah tidak munasabah, berbentuk diskriminasi, melanggar polisi awam dan hak-hak saya; dan perlu dibatalkan.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya bertanda sebagai **"Ekshibit NAS-3"** adalah sesalinan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2007 yang dikeluarkan oleh KPM melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. No. 1 Tahun 2007 bertarikh 27.2.2007.

21. Selanjutnya, saya mengarahkan peguamcara saya, Tetuan Chooi & Company, untuk menulis satu surat bertarikh 19.2.2009 kepada Defendan-Defendan Pertama, Ke-2, Ke-3 dan Ke-5. Surat tersebut masih belum dijawab sehingga kini.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya bertanda sebagai **"Ekshibit NAS-4"** adalah sesalinan surat bertarikh 19.2.2009 bersama-sama dengan bukti penghantaran.

22. Pada 27.2.2009, suami saya menerima e-mel daripada Puan Rubaayah Osman iaitu Ketua Unit Media dan Komunikasi Korporat, Bahagian Hal Ehwal Korporat di KPM. Beliau menjemput saya untuk menghadiri satu perjumpaan dengan KPM, Jabatan Pelajaran Selangor, PPDHL, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembagunan Wanita dan Biro Pengaduan Awam pada 10.3.2009 pukul 10.30 pagi. Pada

5.3.2009, suami saya telah menjawab e-mel tersebut untuk meminta satu surat rasmi dikemukakan berkenaan tujuan, agenda dan nama pegawai yang akan hadir di perjumpaan tersebut. Suami saya juga menyatakan bahawa kami akan hadir dengan seorang Ahli Parlimen serta peguam.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya bertanda secara kolektif sebagai **"Ekshibit NAS-5"** adalah sesalinan e-mel-e-mel bertarikh 27.2.2009 dan 5.3.2009 tersebut.

23. Melalui surat bertarikh 5.3.2009, KPM menjelaskan bahawa tujuan perjumpaan tersebut adalah supaya kekeliruan dalam perkara ini dapat diselesaikan segera.

Kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya bertanda sebagai "**Ekshibit NAS-6**" adalah sesalinan surat bertarikh 5.3.2009 tersebut.

24. Perjumpaan yang dijadualkan tersebut tidak dijalankan kerana apabila saya sampai di tempat perjumpaan, pihak KPM hanya membenarkan saya seorang menghadiri mesyuarat tersebut manakala terdapat lebih kurang 10 pegawai-pegawai KPM yang hadir untuk mesyuarat tersebut.

25. Sehingga kini, tidak ada apa-apa susulan daripada pihak KPM atau Defendan-Defendan berkenaan dengan perkara ini yang belum diselesaikan. Oleh yang demikian, saya perlu memfailkan tindakan ini untuk bantuan Mahkamah.

**Alasan-alasan permohonan ini**

26. Saya dinasihatkan oleh peguamcara saya dan sesungguhnya percaya bahawa:

26.1 Tindakan PPDHL (yang bertindak atas arahan dan/atau polisi-polisi dan/atau dengan pengetahuan Defendan-Defendan) untuk menarik balik dan/atau membatalkan lantikan saya kerana saya hamil/mengandung adalah satu perbuatan diskriminasi berdasarkan jantina *("gender")* dan adalah bercanggah dengan Artikel-Artikel 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pekerjaan 1955; serta bercanggah dengan polisi awam dan *"legitimate expectation"* saya. Ia merupakan diskriminasi terhadap seorang perempuan yang hamil/mengandung dan satu penafian hak saya untuk bekerja dan/atau berumahtangga.

26.2 Tindakan PPDHL tersebut telah menafikan hak, status dan ciri-ciri undang-undang *("legal right, status and character")* saya sebagai seorang perempuan yang hamil/mengandung (setakat 12.1.2009) untuk layak dan berhak dilantik sebagai GSTT. Kehamilan juga tidak merupakan satu faktor yang telah dipertimbangkan semasa membuat keputusan atas perlantikan saya sebagai GSTT.

26.3 Tindakan PPDHL tersebut selanjutnya merupakan satu pencabulan tanggungjawab-tanggungjawab Defendan-Defendan di bawah Konvensyen Untuk Menghapuskan Diskriminasi Dalam Semua Bentuk Terhadap Wanita 1979/81 *("Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women 1979/81")* ("CEDAW") dan konvensyen-konvensyen/perjanjian-perjanjian antarabangsa lain yang telah ditandatangani dan diterimapakai oleh Defendan Ke-6.

26.4 Perenggan 4.2.2 Pekeliling tersebut bahawa Guru Sandaran Terlatih ("GST") dan GSTT tidak layak memperolehi cuti bersalin adalah bercanggah dengan Artikel-Artikel 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan, CEDAW, konvensyen-konvensyen/perjanjian-perjanjian antarabangsa lain

dan Akta Pekerjaan 1955; serta bercanggah dengan polisi awam dan *"legitimate expectation"* saya. Perenggan tersebut mesti dibatalkan.

26.5 Saya telah mempunyai *"legitimate expectation"* di bawah polisi awam, Perlembagaan Persekutuan dan CEDAW; serta di bawah konvensyen-konvensyen/perjanjian-perjanjian antarabangsa lain. Tetapi Defendan-Defendan telah mencabuli *"legitimate expectation"* saya dan bertindak secara tidak sah, tidak munasabah, tidak berperlembagaan dan tidak mengikut perkadaran sama *("proportional")*.

26.6 Selanjutnya, tindakan PPDHL tersebut adalah satu pembatalan tidak sah kontrak pekerjaan dengan saya yang telah saya terima pada 12.1.2009 apabila saya menerima Memo Penempatan. Jika alasannya adalah bahawa saya hamil/mengandung, ia adalah tidak berperlembagaan dan mesti dibatalkan. Perlindungan di bawah Artikel-Artikel 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan mesti dihormati dan diterimapakai.

26.7 Alasan-alasan yang dinyatakan oleh KPM dalam perenggan 19 di atas, tidak dinyatakan dalam Pekeliling tersebut. Oleh yang demikian, alasan-alasan tersebut tidak terpakai. Jika ia terpakai, alasan-alasan tersebut adalah tidak munasabah, berbentuk diskriminasi, melanggar polisi awam dan hak-hak saya; dan perlu dibatalkan. Tindakan menggunakan alasan-alasan ini adalah bersifat *"mala fide"* dan perkara yang difikirkan kemudian.

26.8 Defendan-Defendan terutamanya Defendan Ke-6 perlu mengambil segala tindakan yang sewajarnya untuk menghalang sebarang diskriminasi. Namun Defendan-Defendan telah gagal dalam perkara ini. Saya tidak dilayan secara sama rata di bawah Artikel-Artikel 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan.

26.9 Pencabulan hak asasi saya di bawah Perlembagaan Persekutuan dan CEDAW boleh dipampas dengan gantirugi. Insiden ini telah menyebabkan kerugian dan kesengsaraan kepada saya dan saya memohon untuk gantirugi dan satu penaksiran gantirugi supaya gantirugi dapat dibayar kepada saya. Dalam penaksiran tersebut, saya akan mengemukakan bukti-bukti untuk menyokong gantirugi yang telah dialami saya.

Saya menyatakan bahawa saya telah ditindas dan hak asasi saya dicabuli oleh Defendan-Defendan. Maka, saya dengan rendah diri memohon untuk perintah-perintah seperti yang dipohon di dalam Saman Pemula yang difailkan di sini.

<u>Jurat</u>

Berkenaan dengan afidavit oleh seorang deponen bernama )
NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN )
(No. K/P. ) yang dapat membaca dan memahami )
Bahasa Malaysia dan di mana penterjemahan tidak diperlukan. )
Diikrarkan pada 06 MAY 2010 di Kuala Lumpur )

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W 594
P. VALLIAMAH
MALAYSIA

Di hadapan saya,

..........................
Pesuruhjaya Sumpah

Lot 112, Tingkat Satu,
Wisma MPL, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lum

Folio: 23

Afidavit Sokongan Plaintif ini difailkan Tetuan Chooi & Company, peguamcara bagi Plaintif yang dinamakan di atas, yang beralamat di Tingkat 23, Menara Dion, 27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

[Tel: 03-2055 3888, Faks: 03-2055 3880, Ruj: 20090815 EB],

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
**SAMAN PEMULA NO. MT - - 2010**

Dalam perkara Aturan 7, Aturan 15 Kaedah 16 dan Aturan 28 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

DAN

Dalam perkara seksyen 41 Akta Spesifik Relif 1950

DAN

Dalam perkara Artikel-Artikel 4, 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan

DAN

Dalam perkara Konvensyen Untuk Menghapuskan Diskriminasi Dalam Semua Bentuk Terhadap Wanita 1979/81 *("Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women 1979/81")* dan Akta Pekerjaan 1955

DAN

Dalam perkara penarikan balik lantikan Noorfadilla Binti Ahmad Saikin sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih

DAN

Dalam perkara permohonan untuk, antara lainnya, deklarasi dan gantirugi

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN PLAINTIF

DAN

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ

4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA DEFENDAN-DEFENDAN

**SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa yang berikut ini adalah sesalinan ekshibit yang bertanda sebagai "**NAS-1**" yang dirujuk dalam Afidavit Sokongan Plaintif oleh NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN dan diikrarkan di hadapan saya pada 06 MAY 2010

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
No: W 594
P. VALLIAMAH

Pesuruhjaya Sumpah

Lot 112, Tingkat Satu,
Wisma MPL, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur.

ڤجابت ڤلاجرن دائره هولو لاڠت
PEJABAT PELAJARAN DAERAH HULU LANGAT
SAUJANA IMPIAN, KM 22, JALAN CHERAS,
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: 03-8738 1100 Faks: 03-8739 0144 http://ppdhl.net

HULU LANGAT

Ruj. Kami : PPDHL/PS/A41992/03/01/006/2 Bil. ( 98 )
Tarikh : 24 Disember 2008



NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN ( )

Tuan / Puan,

**TEMUDUGA PELANTIKAN JAWATAN GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH (GSTT) MENENGAH JANUARI 2009**

Sukacita dimaklumkan bahawa tuan / puan adalah dijemput untuk menghadiri sesi temuduga bagi jawatan seperti yang tersebut di atas pada waktu dan ketetapan seperti berikut :

| | | |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 30 DISEMBER 2008 |
| SALURAN | : | 4 |
| MASA | : | 2.00 PTG - 4.30 PTG |
| TEMPAT | : | WISMA MSSDHL BLOK C,<br>PEJABAT PELAJARAN DAERAH HULU LANGAT. |

2. Sehubungan itu, tuan / puan adalah diminta membawa bersama dokumen-dokumen asal seperti di bawah bagi memastikan segala proses berjalan dengan lancar.

2.8 Kad Pengenalan
2.9 Sijil Kelahiran
2.10 Sijil SPM
2.11 Sijil STPM (jika ada)
2.12 Ijazah
2.13 Surat tawaran GSTT terdahulu (jika ada)
2.14 Sekeping gambar berukuran passport

3. Tuan / puan dikehendaki berpakaian kemas dan bersesuaian. Segala perbelanjaan dan kos adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang menjalankan tugas,

**(CHAYED BIN BASIRUN)**
Pegawai Khas KGSK Pejabat Pelajaran,
b.p Pegawai Pelajaran Daerah Hulu Langat

QUALITY SYSTEM
SIRIM
STANDARDS MALAYSIA

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
**SAMAN PEMULA NO. MT - - 2010**

Dalam perkara Aturan 7, Aturan 15 Kaedah 16 dan Aturan 28 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

DAN

Dalam perkara seksyen 41 Akta Spesifik Relif 1950

DAN

Dalam perkara Artikel-Artikel 4, 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan

DAN

Dalam perkara Konvensyen Untuk Menghapuskan Diskriminasi Dalam Semua Bentuk Terhadap Wanita 1979/81 *("Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women 1979/81")* dan Akta Pekerjaan 1955

DAN

Dalam perkara penarikan balik lantikan Noorfadilla Binti Ahmad Saikin sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih

DAN

Dalam perkara permohonan untuk, antara lainnya, deklarasi dan gantirugi

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN — PLAINTIF

DAN

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ

4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA DEFENDAN-DEFENDAN

**SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa yang berikut ini adalah sesalinan ekshibit yang bertanda sebagai "NAS-2" yang dirujuk dalam Afidavit Sokongan Plaintif oleh NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN dan diikrarkan di hadapan saya pada 06 MAY 2010

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W 594
P. VALLIAMAH
MALAYSIA

Pesuruhjaya Sumpah

Lot 112, Tingkat Satu,
Wisma MPL, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

**Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria**

**From:** Aduan Kementerian Pelajaran Malaysia [aduan@moe.gov.my]
**Sent:** Tuesday, February 17, 2009 5:08 PM
**To:** Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria
**Subject:** Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

**Salam Sejahtera,**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Berdasarkan kepada E-mel yang diperolehi pihak kami pada 22 Januari 2009 jam 9.41 pagi, pihak KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA mengambil maklum dan disertakan maklumat yang berkaitan bagi rujukan dan perhatian pihak puan.

**Mengikut Pekeliling Bil.1/2007, Perlantikan GSTT (Guru Sandaran Tidak Terlatih)** adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA. Calon yang mengandung tidak boleh dilantik ke jawatan Guru GSTT kerana :

i. Tempoh ibu bersalin hingga sihat terlalu panjang (2 bulan)
ii. Dikhuatiri guru sering tidak dapat bertugas/hadir ke sekolah kerana sebab kesihatan atau urusan kesihatan dengan doktor/klinik ibu mengandung
iii. Guru bersalin terpaksa diganti dengan guru baru yang memerlukan penerangan
iv. Tiada peruntukan cuti khas bagi Guru GSTT
**v. GSTT tidak boleh diganti dengan guru ganti**

**Tujuan GURU GSTT adalah untuk mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah dan tidak boleh membawa masalah pengajaran dan pembelajaran disekolah.**

KRITERIA KELAYAKAN LANTIKAN GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH (GSTT) SEKOLAH MENENGAH JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR

KELAYAKAN UMUR
1.1 IJAZAH - GENAP 18 – 35 TAHUN PADA TARIKH MEMOHON
1.2 SPM DAN STPM - GENAP 18 – 30 TAHUN PADA TARIKH MEMOHON

2. KELAYAKAN AKADEMIK
2.1 SPM – 4 KREDIT TERMASUK BAHASA MALAYSIA
2.2 SEKIRANYA CALON MEMPUNYAI STPM – JADUAL DIBAWAH ADALAH KELAYAKAN MINIMUM

| PENGAJIAN AM | SUBJEK 1 | SUBJEK 2 | SUBJEK 3 | SUBJEK 4 |
|---|---|---|---|---|
| E | E | E | E | E |
| E | E | E | E | ** |
| E | A | E | ** | ** |
| E | B | D | ** | ** |
| E | C | C | ** | ** |
| E | D | E | R | R |

2.3 IJAZAH SARJANA MUDA YANG DIIKTIRAF DARI MAJLIS KELAYAKAN MALAYSIA

KELAYAKAN GAJI
3.1 SPM – DB17 P1T1
3.2 STPM – DB27 P1T1
3.3 IJAZAH – DC41 P1T1

TIDAK BOLEH DILANTIK DAHULU SEHINGGA SURAT TAWARAN DIKELUARKAN OLEH PIHAK JABATAN PELAJARAN SELANGOR

- SYARAT LANTIKAN GSTT – MESTI DISEMAK KELAYAKAN SPM DAHULU. SEKIRANYA MEMPUNYAI STPM ATAU IJAZAH, JIKA KELAYAKAN SPM TIDAK MENCUKUPI SYARAT, TIDAK BOLEH DILANTIK
- PERMOHONAN CALON YANG MENGANDUNG TIDAK BOLEH DILANTIK KERANA GSTT TIDAK BOLEH DIGANTI OLEH GURU GANTI.

Perhatian pihak puan dalam perkara ini amatlah dihargai.
Sekian, terima kasih.



'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Pejabat Perkhidmatan Pelanggan
Kementerian Pelajaran Malaysia
T- 03 8884 6000/ / F- 03 8888 8431

**Sk. Ketua Unit Media dan Komunikasi Korporat**
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**From:** Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria [mailto:m_izwan8@streamyx.com]
**Sent:** Thu 1/22/2009 8:26 PM
**To:** Aduan Kementerian Pelajaran Malaysia; o.alaudin@yahoo.com; Zubidah Anuar
**Cc:** mohd.izwan.zakaria@gmail.com; noorfadilla@gmail.com
**Subject:** RE: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

Salam Sejahtera Kembali,

**Kepada Jabatan Perkhidmatan Pelanggan Kementerian Pelajaran Malaysia,**

Terima kasih kerana akhirnya sudi memberi respon terhadap emel kami dan memberi akuan menerima e-mel kami. Bagi mengelakan sebarang salah faham kami hendak segala komunikasi dan respon dilakukan dalam bentuk hitam putih atau pun bertulis dan mempunyai rekod. Kami juga berharap pihak kementerian dapat menggunakan alamat e-mel rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia, ini bagi mengelakan sebarang e-mel tidak lambat diterima ataupun tidak diterima langsung oleh pihak kementerian dan juga memudahkan untuk kami kenal pasti identiti penghantar.

**Kepada Dr. Naimah, Dr. Noorliza dan Puan Nasrah di Kementerian Pelajaran Malaysia**

Kami akan menunggu respon daripada pihak anda. Diharap pihak anda dapat member respon secepat mungkin dan dalam tempoh yang munahsabah. Kami juga berharap pihak anda dapat menggunakan alamat e-mel rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia, ini bagi mengelakan sebarang e-mel tidak lambat diterima ataupun tidak diterima langsung oleh pihak anda dan juga memudahkan untuk kami kenal pasti identiti penghantar.

Sekian.

**Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria & Noorfadilla Binti Ahmad Saikin**

---

**From:** Aduan Kementerian Pelajaran Malaysia [mailto:aduan@moe.gov.my]
**Sent:** Thursday, January 22, 2009 9:41 AM
**To:** Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria
**Cc:** o.alaudin@yahoo.com; Zubidah Anuar
**Subject:** RE: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

SURAT AKUAN TERIMA

Salam sejahtera,

Sukacita dimaklumkan surat tuan telah diterima dan diucapkan terima kasih kerana berurusan dengan Pejabat Perkhidmatan Pelanggan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi bahagian ini di talian seperti di bawah :

Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Pegawai Perkhidmatan Pelanggan
Pejabat Perkhidmatan Pelanggan
Kementerian Pelajaran Malaysia

Jawapan :

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, tuan boleh hubungi terus ke Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan di talian 03-8884 6468 ( Dr NAIMAH) / 6515 (DR. NOORLIZA)/ 6554 (PN. NASRAH)

-----Original Message-----
From: Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria [mailto:m_izwan8@streamyx.com]
Sent: Wed 1/21/2009 11:57 PM
To: 'Lim Mei Ying'; 'info'; 'Wan Nur Ibtisam Ismail'; 'Norsuraya Bt. Pinjaman'; ppm@pmo.gov.my; Aduan Kementerian Pelajaran Malaysia; ismail@jpa.gov.my; Jabatan Pelajaran Negeri Selangor; info@sprm.gov.my
Cc: mohd.izwan.zakaria@gmail.com; noorfadilla@gmail.com; humanrights@suhakam.org.my; nutp@tm.net.my; nutpkl@pd.jaring.my
Subject: RE: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

Kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,

Kami berharap pihak SPRM dapat menjalankan siasatan atas salah guna kuasa / salah laku oleh pihak Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat. Salah guna kuasa /salah laku ini telah lama berlaku didalam Pejabat Pelajaran Daerah malahan ianya turut berlaku didalam Pejabat Pelajaran Negeri. Berikut adalah kronologi e-mel yang kami telah hantar dan terima, daripada dan kepada kementerian/jabatan berkenaan. Sekian.

Kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat,

Perhatian: Wan Saidatul Shafina Mohd Amin, Lim Mei Ying, Cik Wan Nur Ibtisam Ismail dan Puan Norsuraya Pinjaman

Terima kasih atas kepantasan pihak Wan Saidatul dalam memberi respon terhadap e-mel kami. Kami berharap pihak Lim Mei Ying, Cik Wan Nur Ibtisam Ismail dan Puan Norsuraya Pinjaman dapat membalas e-mel kami dengan segera. Kami juga berharap pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak menjadi seperti Pejabat/Kementerian/Jabatan sektor awam yang lain, yang lembab dalam menjalakan tugas. Sekian.

Kepada Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Pejabat Pelajaran Negeri Selangor,

Perhatian Pejabat/Kementerian/Jabatan berkenaan, kami masih lagi menunggu respon daripada pihak anda. Inilah masalahnya dengan sikap pegawai serta kakitangan di sektor awam, lembab dan tidak effisien dalam menjalankan tugas. Perlukah sesuatu aduan itu harus menunggu sehingga melebihi 8 hari ataupun 6 hari bekerja untuk menerima maklum balas. Adakah anda hanya "Makan

gaji buta" setiap bulan, kerana sesungguhnya daripada pandangan kami, anda semua tidak menjalankan tugas masing-masing. Tidak perlulah adanya alamat e-mel untuk membuat aduan sekiranya anda tidak akan ambil endah. Sekian.



Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria & Noorfadilla Binti Ahmad Saikin

---

From: info [mailto:info@kpwkm.gov.my]
Sent: Tuesday, January 20, 2009 1:11 PM
To: Norsuraya Bt. Pinjaman; m_izwan8@streamyx.com
Cc: Saripuddin Kasim
Subject: FW: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan
Importance: High

Encik Mohd Izwan,

Terima kasih di atas kiriman e-mel ketiga kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta kronologi aduan yang disertakan. Untuk makluman, e-mel tersebut telah kami panjangkan kepada Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah KPWKM untuk maklumbalas selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Wan Saidatul Shafina Mohd Amin

Unit Media dan Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Norsuraya,

Terima kasih di atas maklumbalas awal yang telah diberikan. Bersama-sama ini dipanjangkan e-mel ketiga yang diterima daripada Encik Mohd Izwan melalui laman web KPWKM untuk tindakan dan maklumbalas segera pihak puan kepada pengirim e-mel. Kerjasama puan dimohon untuk memanjangkan sesalinan jawapan tersebut kepada <mailto:info@kpwkm.gov.my> info@kpwkm.gov.my untuk tujuan rekod.

Segala perhatian puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Wan Saidatul Shafina Mohd Amin

Unit Media dan Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



From: Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria [mailto:m_izwan8@streamyx.com]
Sent: Monday, January 19, 2009 11:53 PM
To: 'Norsuraya Bt. Pinjaman'; 'Lim Mei Ying'; 'info'; 'Wan Nur Ibtisam Ismail'; 'ppm@pmo.gov.my'; 'aduan@moe.gov.my'; 'ismail@jpa.gov.my'; 'jpn.selangor@sel.moe.gov.my'; 'humanrights@suhakam.org.my'; 'nutp@tm.net.my'; 'nutpkl@pd.jaring.my'
Cc: 'mohd.izwan.zakaria@gmail.com'; 'noorfadilla@gmail.com'
Subject: RE: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

Kepada Kemeterian Pembangunan Wanita Dan Masyarakat,

Perhatian: Cik Lim Mei Ying, Cik Wan Nur Ibtisam Ismail dan Puan Norsuraya Pinjaman

Kami berharap pihak kementerian dapat memberikan jawapan segera kepada permasalahan ini serta dapat memberitahu kami apakah tindakan yang bakal diambil oleh pihak kementerian sekiranya perkara ini didalam siasatan pihak kementerian didapati benar. Kami juga berharap pihak kementerian dapat memberikan jangkamasa siasatan yang perlu dan jangkamasa tindakan yang diambil. Perkara ini tidak harus dilengah-lengahkan lagi kerana ianya adalah serius dan wajib diselesaikan segera pada hemat kami suami isteri.

Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pejabat Pelajaran Negeri Selangor,

Kami sungguh kecewa kerana sesungguhnya pihak kementerian masih lagi gagal memberi sebarang respon terhadap e-mel kami. Adakah pihak kementerian pelajaran sedang bercuti panjang atau tidak ada sesiapa yang bekerja untuk memberi respon kepada kami. Sesungguhnya pihak kementerian wajib membersihkan namanya daripada tercalar atas tindak-tanduk oleh kakitangan PPN atau PPD yang jelas membuat keputusan tanpa berpandukan kepada arahan pekeliling serta melanggar Dasar Wanita Negara. Adakah ini sebahagian kurikulum pendidikan yang pihak kementerian berikan kepada anak-anak disekolah, iaitu wanita mengandung tidak boleh diberikan pekerjaan. Sila jawab atau respon kepada e-mel saya ini sekiranya pihak kementerian rasakan yang PPN atau PPD adalah benar dalam membuat keputusan mereka atau pun sebaliknya. Jawapan segera amat diperlukan.

Kepada Jabatan Perkhidmatan Awan,

Kami sungguh kecewa sehingga kini pihak JPA berdiam diri membisu tidak berkata. Bagi kami pihak JPA sebagai jabatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan pekeliling oleh lain-lain jabatan atau kementerian harus memberikan respon kepada e-mel kami. Diharap pihak JPA tidak lepas tangan

dalam isu ini.



Kepada Pejabat Perdana Menteri,

Mantan perdana menteri meminta sekiranya terdapat sebarang maklum balas, cadangan serta aduan, ianya boleh dihantar terus kepada beliau. Memandangkan perkara ini melibatkan pelbagai kemeterian serta jabatan dibawah Pejabat Perdana Menteri, maka aduan melalui laman sesawang tidak sesuai digunakan, kerana itu saya menggunakan e-mel sebagai perantara. Walaupun mantan perdana menteri berada diluar negara, saya pasti terdapat ramai pegawai yang boleh member respon kepada e-mel aduan saya ini. Jadi jawapan daripada PMO amat diperlukan.

Kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO's), NUTP dan SUHAKAM,

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ

4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA DEFENDAN-DEFENDAN

**SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa yang berikut ini adalah sesalinan ekshibit yang bertanda sebagai "**NAS-5**" yang dirujuk dalam Afidavit Sokongan Plaintif oleh NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN dan diikrarkan di hadapan saya pada 06 MAY 2010

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W 594
P. VALLIAMAH
MALAYSIA

---------------------------------

Pesuruhjaya Sumpah

Lot 112, Tingkat Satu,
Wisma MPL, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

**Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria**

| | |
|---|---|
| **From:** | Mohd Izwan Zakaria [mohd.izwan.zakaria@gmail.com] |
| **Sent:** | Thursday, March 05, 2009 2:20 PM |
| **To:** | Rubaayah Osman; aduan@moe.gov.my |
| **Cc:** | Noorfadilla Ahmad Saikin; m_izwan8@streamyx.com; rozainiebbm@yahoo.com; ebon@chooi.com.my; zuraida.kamaruddin@gmail.com; ampang@parlimen.gov.my |
| **Subject:** | Re: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan |

Salam Sejahtera,

Saya dan isteri telah menerima SMS daripada pihak Puan (KPM) berkenaan perjumpaan tersebut. Terima kasih atas peringatan tersebut. Seperti yang telah saya jawab kembali melalui SMS, kami ingin pihak KPM megeluarkan surat rasmi bagi perjumpaan tersebut. Surat rasmi itu hendaklah mengandungi tujuan, agenda serta nama pegawai dan daripada jabatan mana yang akan hadir ke perjumpaan berkenaan.

Kami juga akan hadir bersama-sama pembantu peribadi YB Hajjah Zuraidah (Ampang) dan juga seorang peguam. Tujuan kami meminta kehadiran peguam adalah untuk memastikan kami diwakili oleh mereka yang ariff dalam hal perundangan. Kami juga berharap sekiranya KSU KPM juga dapat hadir sama di dalam perjumpaan tersebut. Kami juga ingin isu ini diselesaikan dengan seberapa segera.

Terima Kasih.

--

Mohd Izwan Zakaria.
B.Sc Hons. Computing For Business
Northumbria University, UK.

2009/2/27 Rubaayah Osman <rubaayah.osman@moe.gov.my>

Salam Sejahtera,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut diatas.

Berdasarkan kepada email yang kami terima dari pihak tuan mulai 13 Januari 2009 hingga 23 Februari 2009, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memberi kerjasama penuh dan penjelasan yang amat jelas berkaitan isu atau aduan yang diketengahkan oleh tuan tanpa sebarang pembohongan kepada maklumat berkaitan Kelayakan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) Sekolah Menengah Jabatan Pelajaran Negeri Selangor. Setiap tindakan dan pelaksanaan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.1/2007.

Oleh itu, bagi memastikan perkara ini dapat diselesaikan dengan kadar segera dan tidak menimbulkan sebarang kekeliruan kepada semua pihak yang terlibat, **Kementerian Pelajaran Malaysia termasuk Jabatan Pelajaran Selangor dan Pejabat Pelajaran Daerah** akan mengadakan satu perjumpaan dengan pihak tuan yang melibatkan kementerian/jabatan/agensi seperti di bawah:-

**i- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**



**ii- Jabatan Kebajikan Masyarakat**

**iii- Jabatan Pembangunan Wanita**

**iv- Biro Pengaduan Awam**

Sehubungan dengan itu, perjumpaan tersebut akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 10 Mac 2009 (Selasa)

Masa : 10.30 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat AKASIA, Bahagian Hal Ehwal Korporat, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 5, Blok E8, Kompleks E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkaitan dengan perjumpaan tersebut, sila hubungi saya seperti maklumat dibawah. Kerjasama, perhatian dan keprihatinan tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

*Rubaayah*

Rubaayah Osman

Ketua Unit Media dan Komunikasi Korporat

Bahagian Hal ehwal Korporat

Kementerian Pelajaran Malaysia

T- 03 8884 6218

M- 012 2030 923

F - 03 8889 3698

---

**From:** Haziera Mat Husin
**Sent:** Tuesday, February 24, 2009 6:29 PM
**To:** Pn Rubaayah; Pn Rubaayah; Rubaayah Osman
**Subject:** FW: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

---

**From:** Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria [mailto:m_izwan8@streamyx.com]
**Sent:** Mon 2/23/2009 12:45 AM
**To:** Aduan Kementerian Pelajaran Malaysia
**Cc:** Emely Clarice Joannes; Haziera Mat Husin; mohd.izwan.zakaria@gmail.com; noorfadilla@gmail.com; 'Edmund Bon'
**Subject:** RE: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

Salam Sejahtera kembali,

Kami telah menerima e-mel daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Kami sekali lagi membangkang terhadap kenyataan yang dibuat didalam e-mel dibawah tentang "Kriteria Kelayakan Guru Sandaran (GSTT) Sekolak Menengah Jabatan Pelajaran Negeri Selangor". Kenyataan yang dibuat adalah sama sekali pembohongan oleh pihak KPM. Walaupun pihak KPM gagal atau tidak mahu memberikan kerjasama dalam member kepada kami sesalinan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/2007 Kementerian Pelajaran Malaysia, pihak kami telah mendapatkan sesalinan Pekeliling tersebut daripada sumber yang dirahsiakan. Janganlah pihak KPM memperbodohkan kami kerana kami bukalah orang yang mudah diperbodohkan. Pepatah inggeris ada menyebut, "You can fool some people some of the time, but you can't fool all the people all of the time". Kami cabar pihak KPM supaya memberikan kami sesalinan sebarang pekeliling yang ada menyebut atau menyatakan wanita mengandung tidak dapat menjawat jawatan GSTT.

Terima Kasih

Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria

---

**From:** Aduan Kementerian Pelajaran Malaysia [mailto:aduan@moe.gov.my]
**Sent:** Tuesday, February 17, 2009 5:16 PM
**To:** Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria
**Cc:** Emely Clarice Joannes; Haziera Mat Husin
**Subject:** RE: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Berdasarkan kepada E-mel yang diperolehi pihak kami pada 22 Januari 2009 jam 9.41 pagi, pihak KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA mengambil maklum dan disertakan maklumat yang berkaitan bagi rujukan dan perhatian pihak puan.

**Mengikut Pekeliling Bil.1/2007, Perlantikan GSTT (Guru Sandaran Tidak Terlatih)** adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA. Calon yang mengandung tidak boleh dilantik ke jawatan Guru GSTT kerana :

i. Tempoh ibu bersalin hingga sihat terlalu panjang (2 bulan)

ii. Dikhuatiri guru sering tidak dapat bertugas/hadir ke sekolah kerana sebab kesihatan atau urusan kesihatan dengan doktor/klinik ibu mengandung

iii. Guru bersalin terpaksa diganti dengan guru baru yang memerlukan penerangan

iv. Tiada peruntukan cuti khas bagi Guru GSTT

**v. GSTT tidak boleh diganti dengan guru ganti**

**Tujuan GURU GSTT adalah untuk mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah dan tidak boleh membawa masalah pengajaran dan pembelajaran disekolah.**

KRITERIA KELAYAKAN LANTIKAN GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH (GSTT) SEKOLAH MENENGAH JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR

KELAYAKAN UMUR

1.1 IJAZAH - GENAP 18 – 35 TAHUN PADA TARIKH MEMOHON

1.2 SPM DAN STPM - GENAP 18 – 30 TAHUN PADA TARIKH MEMOHON

2. KELAYAKAN AKADEMIK

2.1 SPM – 4 KREDIT TERMASUK BAHASA MALAYSIA

2.2 SEKIRANYA CALON MEMPUNYAI STPM – JADUAL DIBAWAH ADALAH KELAYAKAN MINIMUM

| PENGAJIAN AM | SUBJEK 1 | SUBJEK 2 | SUBJEK 3 | SUBJEK 4 |
|---|---|---|---|---|
| E | E | E | E | E |
| E | E | E | E | ** |
| E | A | E | ** | ** |
| E | B | D | ** | ** |
| E | C | C | ** | ** |
| E | D | E | R | R |

2.3 IJAZAH SARJANA MUDA YANG DIIKTIRAF DARI MAJLIS KELAYAKAN MALAYSIA

KELAYAKAN GAJI

3.1 SPM – DB17 P1T1

3.2 STPM – DB27 P1T1

3.3 IJAZAH – DC41 P1T1

TIDAK BOLEH DILANTIK DAHULU SEHINGGA SURAT TAWARAN DIKELUARKAN OLEH PIHAK JABATAN PELAJARAN SELANGOR

- SYARAT LANTIKAN GSTT – MESTI DISEMAK KELAYAKAN SPM DAHULU. SEKIRANYA MEMPUNYAI STPM ATAU IJAZAH, JIKA KELAYAKAN SPM TIDAK MENCUKUPI SYARAT, TIDAK BOLEH DILANTIK
- PERMOHONAN CALON YANG MENGANDUNG TIDAK BOLEH DILANTIK KERANA GSTT TIDAK BOLEH DIGANTI OLEH GURU GANTI.

Perhatian pihak puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Pejabat Perkhidmatan Pelanggan

Kementerian Pelajaran Malaysia

T- 03 8884 6000/ / F- 03 8888 8431

Sk. Ketua Unit Media dan Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**From:** Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria [mailto:m_izwan8@streamyx.com]
**Sent:** Thu 1/22/2009 8:26 PM
**To:** Aduan Kementerian Pelajaran Malaysia; o.alaudin@yahoo.com; Zubidah Anuar
**Cc:** mohd.izwan.zakaria@gmail.com; noorfadilla@gmail.com
**Subject:** RE: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

Salam Sejahtera Kembali,

**Kepada Jabatan Perkhidmatan Pelanggan Kementerian Pelajaran Malaysia,**

Terima kasih kerana akhirnya sudi memberi respon terhadap emel kami dan memberi akuan menerima e-mel kami. Bagi mengelakan sebarang salah faham kami hendak segala komunikasi dan respon dilakukan dalam bentuk hitam putih atau pun bertulis dan mempunyai rekod. Kami juga berharap pihak kementerian dapat menggunakan alamat e-mel rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia, ini bagi mengelakan sebarang e-mel tidak lambat diterima ataupun tidak diterima langsung oleh pihak kementerian dan juga memudahkan untuk kami kenal pasti identiti penghantar.

**Kepada Dr. Naimah, Dr. Noorliza dan Puan Nasrah di Kementerian Pelajaran Malaysia**

Kami akan menunggu respon daripada pihak anda. Diharap pihak anda dapat member respon secepat mungkin dan dalam tempoh yang munahsabah. Kami juga berharap pihak anda dapat menggunakan alamat e-mel rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia, ini bagi mengelakan sebarang e-mel tidak lambat diterima ataupun tidak diterima langsung oleh pihak anda dan juga memudahkan untuk kami kenal pasti identiti penghantar.

Sekian.

**Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria & Noorfadilla Binti Ahmad Saikin**

---

**From:** Aduan Kementerian Pelajaran Malaysia [mailto:aduan@moe.gov.my]
**Sent:** Thursday, January 22, 2009 9:41 AM
**To:** Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria
**Cc:** o.alaudin@yahoo.com; Zubidah Anuar
**Subject:** RE: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

SURAT AKUAN TERIMA

Salam sejahtera,

Sukacita dimaklumkan surat tuan telah diterima dan diucapkan terima kasih kerana berurusan dengan Pejabat Perkhidmatan

Pelanggan, Kementerian Pelajaran Malaysia.



Sebarang pertanyaan, sila hubungi bahagian ini di talian seperti di bawah :

Tel : 03-8888 8443 / 445 / 446 Faks : 03-8888 8431 Web : www.moe.gov.my

Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Pegawai Perkhidmatan Pelanggan
Pejabat Perkhidmatan Pelanggan
Kementerian Pelajaran Malaysia

Jawapan :

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, tuan boleh hubungi terus ke Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan di talian 03-8884 6468 ( Dr NAIMAH) / 6515 (DR. NOORLIZA)/ 6554 (PN. NASRAH)

-----Original Message-----
From: Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria [mailto:m_izwan8@streamyx.com]
Sent: Wed 1/21/2009 11:57 PM
To: 'Lim Mei Ying'; 'info'; 'Wan Nur Ibtisam Ismail'; 'Norsuraya Bt. Pinjaman'; ppm@pmo.gov.my; Aduan Kementerian Pelajaran Malaysia; ismail@jpa.gov.my; Jabatan Pelajaran Negeri Selangor; info@sprm.gov.my
Cc: mohd.izwan.zakaria@gmail.com; noorfadilla@gmail.com; humanrights@suhakam.org.my; nutp@tm.net.my; nutpkl@pd.jaring.my
Subject: RE: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

Kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,

Kami berharap pihak SPRM dapat menjalankan siasatan atas salah guna kuasa / salah laku oleh pihak Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat. Salah guna kuasa /salah laku ini telah lama berlaku didalam Pejabat Pelajaran Daerah malahan ianya turut berlaku didalam Pejabat Pelajaran Negeri. Berikut adalah kronologi e-mel yang kami telah hantar dan terima, daripada dan kepada kementerian/jabatan berkenaan. Sekian.

Kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat,

Perhatian: Wan Saidatul Shafina Mohd Amin, Lim Mei Ying, Cik Wan Nur Ibtisam Ismail dan Puan Norsuraya Pinjaman

Terima kasih atas kepantasan pihak Wan Saidatul dalam memberi respon terhadap e-mel kami. Kami berharap pihak Lim Mei Ying, Cik Wan Nur Ibtisam Ismail dan Puan Norsuraya Pinjaman dapat membalas e-mel kami dengan segera. Kami juga berharap pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak menjadi seperti Pejabat/Kementerian/Jabatan sektor awam yang lain, yang lembab dalam menjalakan tugas. Sekian.

Kepada Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Pejabat Pelajaran Negeri Selangor,

Perhatian Pejabat/Kementerian/Jabatan berkenaan, kami masih lagi menunggu respon daripada pihak anda. Inilah masalahnya dengan sikap pegawai serta

kakitangan di sektor awam, lembab dan tidak effisien dalam menjalankan tugas. Perlukah sesuatu aduan itu harus menunggu sehingga melebihi 8 hari ataupun 6 hari bekerja untuk menerima maklum balas. Adakah anda hanya "Makan gaji buta" setiap bulan, kerana sesungguhnya daripada pandangan kami, anda semua tidak menjalankan tugas masing-masing. Tidak perlulah adanya alamat e-mel untuk membuat aduan sekiranya anda tidak akan ambil endah. Sekian.

Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria & Noorfadilla Binti Ahmad Saikin

---

From: info [mailto:info@kpwkm.gov.my]
Sent: Tuesday, January 20, 2009 1:11 PM
To: Norsuraya Bt. Pinjaman; m_izwan8@streamyx.com
Cc: Saripuddin Kasim
Subject: FW: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan
Importance: High

Encik Mohd Izwan,

Terima kasih di atas kiriman e-mel ketiga kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta kronologi aduan yang disertakan. Untuk makluman, e-mel tersebut telah kami panjangkan kepada Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah KPWKM untuk maklumbalas selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Wan Saidatul Shafina Mohd Amin

Unit Media dan Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Norsuraya,

Terima kasih di atas maklumbalas awal yang telah diberikan. Bersama-sama ini dipanjangkan e-mel ketiga yang diterima daripada Encik Mohd Izwan melalui laman web KPWKM untuk tindakan dan maklumbalas segera pihak puan kepada pengirim e-mel. Kerjasama puan dimohon untuk memanjangkan sesalinan jawapan tersebut kepada <mailto:info@kpwkm.gov.my> info@kpwkm.gov.my untuk tujuan rekod.

Segala perhatian puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Wan Saidatul Shafina Mohd Amin

Unit Media dan Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

From: Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria [mailto:m_izwan8@streamyx.com]
Sent: Monday, January 19, 2009 11:53 PM
To: 'Norsuraya Bt. Pinjaman'; 'Lim Mei Ying'; 'info'; 'Wan Nur Ibtisam Ismail'; 'ppm@pmo.gov.my'; 'aduan@moe.gov.my'; 'ismail@jpa.gov.my'; 'jpn.selangor@sel.moe.gov.my'; 'humanrights@suhakam.org.my'; 'nutp@tm.net.my'; 'nutpkl@pd.jaring.my'
Cc: 'mohd.izwan.zakaria@gmail.com'; 'noorfadilla@gmail.com'
Subject: RE: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

Kepada Kemeterian Pembangunan Wanita Dan Masyarakat,

Perhatian: Cik Lim Mei Ying, Cik Wan Nur Ibtisam Ismail dan Puan Norsuraya Pinjaman

Kami berharap pihak kementerian dapat memberikan jawapan segera kepada permasalahan ini serta dapat memberitahu kami apakah tindakan yang bakal diambil oleh pihak kementerian sekiranya perkara ini didalam siasatan pihak kementerian didapati benar. Kami juga berharap pihak kementerian dapat memberikan jangkamasa siasatan yang perlu dan jangkamasa tindakan yang diambil. Perkara ini tidak harus dilengah-lengahkan lagi kerana ianya adalah serius dan wajib diselesaikan segera pada hemat kami suami isteri.

Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pejabat Pelajaran Negeri Selangor,

Kami sungguh kecewa kerana sesungguhnya pihak kementerian masih lagi gagal memberi sebarang respon terhadap e-mel kami. Adakah pihak kementerian pelajaran sedang bercuti panjang atau tidak ada sesiapa yang bekerja untuk memberi respon kepada kami. Sesungguhnya pihak kementerian wajib membersihkan namanya daripada tercalar atas tindak-tanduk oleh kakitangan PPN atau PPD yang jelas membuat keputusan tanpa berpandukan kepada arahan pekeliling serta melanggar Dasar Wanita Negara. Adakah ini sebahagian kurikulum pendidikan yang pihak kementerian berikan kepada anak-anak disekolah, iaitu wanita mengandung tidak boleh diberikan pekerjaan. Sila jawab atau respon kepada e-mel saya ini sekiranya pihak kementerian rasakan yang PPN atau PPD adalah benar dalam membuat keputusan mereka atau pun sebaliknya. Jawapan segera amat diperlukan.

Kepada Jabatan Perkhidmatan Awan,

Kami sungguh kecewa sehingga kini pihak JPA berdiam diri membisu tidak

berkata. Bagi kami pihak JPA sebagai jabatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan pekeliling oleh lain-lain jabatan atau kementerian harus memberikan respon kepada e-mel kami. Diharap pihak JPA tidak lepas tangan dalam isu ini..



Kepada Pejabat Perdana Menteri,

Mantan perdana menteri meminta sekiranya terdapat sebarang maklum balas, cadangan serta aduan, ianya boleh dihantar terus kepada beliau. Memandangkan perkara ini melibatkan pelbagai kemeterian serta jabatan dibawah Pejabat Perdana Menteri, maka aduan melalui laman sesawang tidak sesuai digunakan, kerana itu saya menggunakan e-mel sebagai perantara. Walaupun mantan perdana menteri berada diluar negara, saya pasti terdapat ramai pegawai yang boleh member respon kepada e-mel aduan saya ini. Jadi jawapan daripada PMO amat diperlukan.

Kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO's), NUTP dan SUHAKAM,

Kami kira NGO sebagai juara dalam memperjuangkan perkara seperti ini, tetapi kami mungkin tersilap kerana hingga kini kami tidak mendapat sebarang respon daripada pihak NGO ataupun pihak NGO. Jawapan daripada pihak anda amat dialu-alukan.

Sekiranya e-mel kami ini agak kasar serta kurang berbudi bahasa, kami tidak akan meminta maaf kerana kami merasakan kami masih harus bersikap begini bagi mendapat perhatian pihak berkenaan. Kami telah dianiaya oleh KERAJAAN MALAYSIA serta kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dibawahnya. Kami sebagai pengundi berdaftar serta rakyat Malaysia sudah jelak dipermain-mainkan oleh kakitangan kementerian/jabatan kerajaan. Bukan semua kakitangan seperti ini, namun segelintir yang bertindak tanpa mengikut lunas dan disiplin yang telah ditetapkan oleh jabatan masing-masing membuatkan imej kesemua kementerian/jabatan kerajaan menjadi buruk. Bak kata pepatah, Kerana Nila Setitik Rosak Susu Sebelanga. Sila jawab dalam kadar segera.

Sekian, Yang Kecewa

Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria & Noorfadilla Binti Ahmad Saikin

From: Norsuraya Bt. Pinjaman [mailto:norsuraya@kpwkm.gov.my]
Sent: Friday, January 16, 2009 4:28 PM
To: Lim Mei Ying; info; Wan Nur Ibtisam Ismail
Cc: m_izwan8@streamyx.com
Subject: FW: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

Miss Lim n Cik Wan,

Following email regards to gender equality. I believe u might have the right person / channel to clarify this issue.

Ur kind and immediate action is highly appreciated.

t.q

Norsuraya

---

From: Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria [mailto:m_izwan8@streamyx.com]
Sent: Thursday, January 15, 2009 8:03 PM
To: 'Elfian Satria'; 'Norsuraya Bt. Pinjaman'
Cc: 'info'
Subject: RE: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

Kepada Encik Elfian (JPW) dan Puan Norsuraya (Bahagian Dasar Pembangunan Wanita)

Saya berharap pihak jabatan/bahagian dapat menyiasat dan mengetengahkan isu ini kepada pihak berkenaan terutamanya Jabatan Pelajaran Negeri Selangor. Saya dan isteri mempunyai bukti bahawa isteri saya telah diterima untuk menjawat jawatan GSTT tersebut. Kami sedia bekerjasama dengan pihak jabatan/bahagian sekiranya diperlukan.

Kepada Cik/Puan Wan Saidatul,

Terima kasih kerana membalas e-mel saya dan melaporkan kepada jabatan berkenaan.

Sekian, Terima Kasih.

Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria & Noorfadilla Binti Ahmad Saikin

---

From: info
Sent: Thursday, January 15, 2009 9:58 AM
To: Elfian Satria; Norsuraya Bt. Pinjaman
Cc: m_izwan8@streamyx.com

Subject: FW: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan



Encik Izwan,

Terima kasih di atas kiriman e-mel kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Untuk makluman, e-mel tersebut telah kami panjangkan kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Bah. Dasar Pembagunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah KPWKM untuk maklumbalas selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Wan Saidatul Shafina Mohd Amin

Unit Media dan Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Encik Elfian / Puan Norsuraya,

Bersama-sama ini dipanjangkan e-mel yang diterima daripada Encik Izwan melalui laman web KPWKM untuk tindakan dan maklumbalas segera pihak tuan / puan kepada pengirim e-mel. Kerjasama tuan / puan dimohon untuk memanjangkan sesalinan jawapan tersebut kepada <mailto:info@kpwkm.gov.my> info@kpwkm.gov.my untuk tujuan rekod.

Segala perhatian tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Wan Saidatul Shafina Mohd Amin

Unit Media dan Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

---

From: Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria [mailto:m_izwan8@streamyx.com]
Sent: Tuesday, January 13, 2009 10:59 PM
To: forum@utusan.com.my
Cc: ppm@pmo.gov.my; aduan@moe.gov.my; ismail@jpa.gov.my; jpn.selangor@sel.moe.gov.my; info; humanrights@suhakam.org.my;

nutp@tm.net.my; nutpkl@pd.jaring.my
Subject: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan



Salam Sejahtera,

Kepada pihak Utusan Malaysia:

Saya berharap pihak Utusan Malaysia dapat menyiarkan rintihan saya ini didalam ruangan forum. Tujuan saya meminta pihak Utusan Malaysia supaya menyiarkan rintihan saya adalah bagi kebaikan semua terutama bagi wanita berkerjaya dan mengandung. Berikut ialah butiran diri saya:

Nama: Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria

No Telefon:

Sekiranya butiran peribadi saya tidak mencukupi, diharap pihak Utusan Malaysia dapat menghubungi saya bagi mendapatkanya. Rintihan saya adalah seperti akhir emel ini.

Kepada Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan Malaysia:

Saya sebagai warganegara dan pengundi berdaftar berharap perkara ini dapat diperhalusi dan diperjelaskan dengan teperinci oleh mereka yang sepatutnya. Kedudukan dan tugas kerajaan adalah untuk melindungi dan mempertahankan hak rakyat berdasarkan perlembagaan dan dasar-dasar Negara.

Kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO):

Diharap pihak NGO dapat memainkan peranan dalam mengetengahkan isu ini kepada pihak-pihak yang berkenaan. Sudah sekian lama perkara seperti ini tidak di endahkan oleh mana-mana pihak.

Terima Kasih

Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria

Sudah sekian lama diskriminasi terhadap kaum wanita mengandung dilakukan oleh majikan-majikan di Malaysia. Sekiranya seseorang ini ingin memohon jawatan di dalam mana-mana syarikat swasta, mereka akan di tanya adakah

nutp@tm.net.my; nutpkl@pd.jaring.my
Subject: Dikriminasi terhadap wanita mengandung oleh Jabatan Kerajaan

065

Salam Sejahtera,

Kepada pihak Utusan Malaysia:

Saya berharap pihak Utusan Malaysia dapat menyiarkan rintihan saya ini didalam ruangan forum. Tujuan saya meminta pihak Utusan Malaysia supaya menyiarkan rintihan saya adalah bagi kebaikan semua terutama bagi wanita berkerjaya dan mengandung. Berikut ialah butiran diri saya:

Nama: Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria

No Telefon: 012-6510159

Sekiranya butiran peribadi saya tidak mencukupi, diharap pihak Utusan Malaysia dapat menghubungi saya bagi mendapatkanya. Rintihan saya adalah seperti akhir emel ini.

Kepada Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan Malaysia:

Saya sebagai warganegara dan pengundi berdaftar berharap perkara ini dapat diperhalusi dan diperjelaskan dengan teperinci oleh mereka yang sepatutnya. Kedudukan dan tugas kerajaan adalah untuk melindungi dan mempertahankan hak rakyat berdasarkan perlembagaan dan dasar-dasar Negara.

Kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO):

Diharap pihak NGO dapat memainkan peranan dalam mengetengahkan isu ini kepada pihak-pihak yang berkenaan. Sudah sekian lama perkara seperti ini tidak di endahkan oleh mana-mana pihak.

Terima Kasih

Mohd Izwan Bin Dato' Zakaria

Sudah sekian lama diskriminasi terhadap kaum wanita mengandung dilakukan oleh majikan-majikan di Malaysia. Sekiranya seseorang ini ingin memohon jawatan di dalam mana-mana syarikat swasta, mereka akan di tanya adakah

mereka "mengandung" sewaktu temuduga jawatan. Sekiranya benar maka, mereka tidak mempunyai harapan langsung untuk ditawarkan bekerja. Ini dilakukan oleh majoriti syarikat di Malaysia. Namun, apa yang mendukacitakan saya adalah jabatan kerajaan juga mengamalkan "polisi" yang serupa. Baru-baru ini isteri saya ditawarkan untuk menjawat jawatan "Guru Sandaran Tidak Terlatih" (GSTT) oleh Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Hulu Langat.



Temuduga bagi jawatan tersebut diadakan pada 2 Januari 2009, isteri saya serta lebih kurang 30 orang lain datang bagi temuduga terbuka ini. Setelah beberapa hari menunggu untuk keputusan temuduga, pada 11 Januari 2009, kakitangan PPD Hulu Langat menghantar SMS kepada isteri saya dan mengatakan yang isteri saya telah dipilih untuk menjawat jawatan GSTT dan diminta untuk hadir ke PPD Hulu Langat pada 12 Januari 2009 untuk mengambil surat tawaran. Namun apabila isteri saya ingin mengambil surat tawaran bekerja, kakitangan pejabat pendidikan daerah tersebut bertanya sama ada adakah isteri saya mengandung. Isteri saya memberitahu perkara sebenar yang dia saya sedang mengandung 3 bulan. Selepas mendapat jawapan daripada isteri saya, kakitangan tersebut terus berkata wanita mengandung tidak dibenarkan untuk menjawat jawatan GSTT dan memberikan seribu satu macam alasan. Antaranya ialah, sebagai guru perlu melibatkan diri dalam kegiatan ko-kurikulum dan ada yang melibatkan aktiviti lasak. Tergamam dan terpinga-pinga atas jawapan tersebut isteri saya meninggalkan PPD Hulu Langat.

Kemudian saya dan isteri saya cuba mencari maklumat yang menyatakan wanita mengandung tidak dibenarkan menjawat jawatan GSTT di dalam laman sesawang Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Selangor, PPD Hulu Langat dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia. Kami gagal menjumpai sebarang pekeliling atau pun arahan di dalam mana-mana laman sesawang tersebut. Tidak puas hati, isteri saya cuba menghubungi KPM di Putrajaya bagi mendapatkan kepastian kesokan harinya. Namun KPM meminta kami menghubungi JPN Selangor kerana bagi perlantikan GSTT adalah di bawah bidang kuasa JPN masing-masing. Seterusnya isteri saya pun menghubungi JPN Selangor. Kakitangan JPN Selangor mengatakan bahawa mereka tidak akan melantik wanita mengandung bagi jawatan GSTT. Tidak puas hati, isteri saya minta kakitangan tersebut untuk mengemukan sebarang pekeliling atau pun surat arahan yang melarang wanita mengandung dilantik ke dalam jawatan tersebut, namun kakitangan tersebut gagal untuk memberikan sebarang pekeliling mahupun surat arahan. Persoalan saya, adakah wanita mengandung tidak layak untuk mengajar? Adakah guru wanita sedia ada yang mengandung terlibat dalam aktiviti lasak di dalam atau pun di luar sekolah? Adakah isteri saya yang telah dipilih untuk menjawat jawatan GSTT pada mulanya berdasarkan kelayakan dan kebolehannya, tiba-tiba tidak lagi layak untuk mendidik anak bangsa Malaysia semata-mata kerana isteri saya mengandung. Mengapa wanita mengandung sering di diskriminasikan untuk menjawat sebarang jawatan samada didalam syarikat swasta mahupun di dalam jabatan kerajaan?

Saya inginkan jawapan dan penjelasan daripada pihak yang bertanggungjawab dan sekiranya perkara ini benar, ianya telah melanggar Dasar Wanita Negara yang antaranya menggariskan "Bahawa sebarang diskriminasi yang berasaskan jantina yang merugikan kaum wanita dihapuskan dalam semua pertimbangan sewaktu membuat keputusan dan tindakan-tindakan selanjutnya". Permasalahan ini juga jelas melanggar hak asasi manusia seperti yang terkandung dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Artikel 23; Setiap orang adalah berhak kepada pekerjaan, kepada pemilihan pekerjaannya secara bebas, kepada keadaan-keadaan pekerjaan yang adil dan berfaedah baginya dan kepada perlindungan daripada pengangguran.

Sekian.

Suami Kepada Wanita Yang Teraniaya

067

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
**SAMAN PEMULA NO. MT - - 2010**

Dalam perkara Aturan 7, Aturan 15 Kaedah 16 dan Aturan 28 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

DAN

Dalam perkara seksyen 41 Akta Spesifik Relif 1950

DAN

Dalam perkara Artikel-Artikel 4, 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan

DAN

Dalam perkara Konvensyen Untuk Menghapuskan Diskriminasi Dalam Semua Bentuk Terhadap Wanita 1979/81 *("Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women 1979/81")* dan Akta Pekerjaan 1955

DAN

Dalam perkara penarikan balik lantikan Noorfadilla Binti Ahmad Saikin sebagai Guru Sandaran Tidak Terlatih

DAN

Dalam perkara permohonan untuk, antara lainnya, deklarasi dan gantirugi

ANTARA

NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN — PLAINTIF

DAN

1. CHAYED BIN BASIRUN
2. ISMAIL BIN MUSA
3. DR HAJI ZAHRI BIN AZIZ

4. KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
5. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
6. KERAJAAN MALAYSIA DEFENDAN-DEFENDAN

**SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa yang berikut ini adalah sesalinan ekshibit yang bertanda sebagai "**NAS-6**" yang dirujuk dalam Afidavit Sokongan Plaintif oleh NOORFADILLA BINTI AHMAD SAIKIN dan diikrarkan di hadapan saya pada 06 MAY 2010

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W 594
P. VALLIAMAH
MALAYSIA

.................................

Pesuruhjaya Sumpah

Lot 112, Tingkat Satu,
Wisma MPL, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala ...

BAHAGIAN HAL EHWAL KORPORAT
(CORPORATE AFFAIRS DIVISION)
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
(MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA)
ARAS 5, BLOK E8, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Telefon: 03-8884 6222 / 6??
Faks: 03-8889 3695 / 3?4?
Laman web: http://www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM(BHEK)1002/101(43)
Tarikh : 5 Mac 2009

**DI HANTAR MELALUI E-MAIL:**

En. Izwan b. Dato' Zakaria & Isteri,

Tuan/Puan,

**PERBINCANGAN : ADUAN DISKRIMINASI TERHADAP WANITA MENGANDUNG OLEH JABATAN KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa satu perjumpaan yang bertujuan untuk memberi penjelasan kepada Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil.1/2007 dan Kelayakan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) Sekolah Menengah Jabatan Pelajaran Negeri Selangor oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang telah menimbulkan kekeliruan kepada pihak tuan berdasarkan aduan tuan terhadap penarikan perlantikan isteri tuan sebagai GSTT oleh Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat, Selangor. Perbincangan tersebut akan diadakan pada masa, tarikh dan tempat seperti berikut:

| | |
|---|---|
| **Tarikh** | **: 10 Mac 2009 (Selasa)** |
| **Masa** | **: 10.30 pagi** |
| **Tempat** | **: Bilik Mesyuarat Rafflesia, Aras 5, Blok E8, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya** |

3. Sehubungan dengan ini, tuan dan isteri adalah dijemput untuk menghadiri perbincangan ini supaya kekeliruan tersebut dapat diselesaikan segera. Kehadiran dan kerjasama tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Sebarang pertanyaan berkaitan perbincangan ini, sila hubungi **Cik Emily Clarice Joannes** di talian **03 - 88846253/012-6756295.**

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

*tt*

**(RUBAAYAH BINTI OSMAN)**
Ketua Unit Media dan Komunikasi Korporat
b/p: Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

Tel : 03 8884 6218
E-mel : rubaayah.osman@bdpk.gov.my
Faks : 03 8889 3698

**s.k:** SUB, BHEK